KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	02.06.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	TNB			

GANGGUAN ELEKTRIK DI KOTA WARISAN

Lombong kripto punya angkara

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Sepang

Gangguan elektrik yang kerap berlaku di sekitar Kota Warisan di sini, berpunca daripada kegiatan melombong mata wang kripto atau bitcoin.

Timbalan Pengarah Unit Perancangan dan Penyelarasan Penguatkuasaan Suruhanjaya Tenaga (ST) Ahmad Tazmin Mohd Noordin berkata, empat sindiket menjadikan empat rumah kedai sebagai pusat melombong bitcoin.

"Kami bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) melancarkan operasi terhadap empat premis yang dijadikan lubuk melombong bitcoin.

"Sindiket terbabit dalam operasi melombong itu sejak Disember tahun lalu dan mereka menggunakan sambungan elektrik secara haram," katanya di lokasi serbuan semalam.

Menurut beliau, operasi dijalankan hasil aduan ramai selain risikan TNB.

Katanya, bagi keempat-empat premis, TNB kerugian kira-kira RM120,000 sebulan. Jumlah keseluruhan kerugian sepanjang enam bulan pula ialah RM720,000.

"Sindiket terbabit menghentikan operasi melalui alat kawalan jauh bagi mengaburi penguat kuasa. Mereka dapat mengesan kehadiran kami melalui kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di pintu masuk premis," katanya.



KAKITANGAN TNB melihat mesin bitcoin yang dijana menggunakan bekalan elektrik disambung secara haram di Kota Warisan, Sepang. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

Operasi bermula jam 10 pagi itu disertai 50 anggota terdiri daripada pegawai ST, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Ahmad Tazmin berkata, pasukan serbuan berdepan sedikit kesukaran untuk memasuki bangunan rumah kedai dua tingkat itu kerana perlu memecahkan pintu besi di bawah premis dengan bantuan anggota bomba.

Menurutnya, dinding premis itu juga sudah diubahsuai yang mana sindiket memasang bahan kedap bunyi bagi menyukarkan kegiatan terbabit tidak dihidu pihak berkuasa.

Kes disiasat mengikut Seksyen 37 (1), Seksyen 37 (3) dan-Seksyen 37 (14) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).

Sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan pertama.